

# AIA, TNG Digital bentuk kerjasama jangka panjang

**PETALING JAYA** – Penyedia insurans, AIA Malaysia (AIA) merangka jalinan kerjasama strategik jangka panjang dengan syarikat e-dompot terbesar di Malaysia, TNG Digital Sdn. Bhd. (TNG Digital).

Menerusi kerjasama tersebut, AIA akan menyediakan penyelesaian insurans digital yang inovatif dan diperibadikan bagi memenuhi keperluan perlindungan untuk lebih 16 juta pelanggan Touch 'n Go eWallet di negara ini, selain membuat pelaburan ekuiti minoriti dalam TNG Digital.

Sementara pelanggan TNG Digital pula bakal menikmati pengalaman mudah dan lancar ketika membuat pembelian, tuntutan atau memperbaharui polisi dengan AIA.

Ketua Pegawai Eksekutif AIA Bhd., Ben Ng berkata, kerjasama tersebut menandakan kesinambungan transformasi digital AIA untuk menjangkau segmen pelanggan baharu menggunakan platform secara online.

"Keperluan insurans kian meningkat ketika berlaku pandemik dan kami perlu sentiasa berusaha memperluaskan perkhidmatan kepada pengguna," katanya dalam satu kenyataan.

Selain itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Touch 'n Go, Effendi Shahul Hamid berkata,



**EFFENDI SHAHUL (kiri) dan Ng mengumumkan kerjasama strategik jangka panjang untuk mengukuhkan kedudukan AIA dan TNG Digital.**

pihaknya mengalu-alukan penyertaan strategik AIA sebagai pemegang saham syarikat Touch 'n Go eWallet.

"Penglibatan mereka bertepatan dengan evolusi berterusan kami untuk meneroka perkhid-

matan kewangan dengan lebih mendalam.

"Kerjasama ini akan mengukuhkan lagi segmen kewangan dan memberi produk serta perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna kami," katanya.